

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 2

### Inisiatif Pendapatan Rakyat bantu miskin tegar, B40 raih pendapatan minimum RM2,000 sebulan

#### Inisiatif Pendapatan Rakyat bantu miskin tegar, miskin, B40 raih pendapatan minimum RM2,000 sebulan

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan menyasarkan peserta Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) terdiri daripada golongan miskin tegar, miskin dan B40 berupaya mencapai pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Katanya, IPR dengan sasaran 100,000 peserta itu bertujuan meningkatkan pendapatan tiga golongan tersebut dengan melibatkan kerjasama kerajaan, rakyat dan rakan strategik, sekaligus membantu mereka keluar dari pada garis kemiskinan yang ditempatkan

pada RM1,900 sebulan.

"Usahawan tani, contohnya, mereka akan mula merasai pendapatan itu selepas hasil tuaian pertama tanaman mereka tetapi dalam tempoh menunggu hasil tuaian itu, kerajaan akan memberi eluan bulanan sebanyak RM500.

"Semua bantuan ini kita sudah ambil kira selama 24 bulan, termasuklah dari segi penyediaan tapak pertanian, infrastruktur, kelengkapan dan latihan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran IPR di stesen Transit Airan Ringan (LRT) Cempaka, Ampang, di sini

pada Ahad.

IPR merangkumi tiga model iaitu Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) yang diwujudkan untuk menyelesaikan masalah ekonomi harian rakyat.

Di bawah INTAN, Rafizi berkata, kerajaan persekutuan akan menyediakan 800 ekar (323.7 hektar) tanah sebagai permulaan untuk diusahakan oleh peserta usahawan tani sebelum diperluaskan kepada 5,000 ekar (2,023.4 hektar) menerusi kerjasama daripada kerajaan negeri.

"Saya yakin kerajaan negeri akan menyambut baik inisiatif ini kerana dalam membantu mengatasi masalah bekalan makanan setempat, ia juga mewujudkan peluang pekerjaan di peringkat setempat terutama di negeri-negeri yang banyak berlakunya migrasi atau perpindahan penduduk ke bandar," katanya.

Justeru, katanya, beliau akan berjumpa dengan setiap menteri besar dan ketua menteri supaya mereka memperuntukkan tanah di bawah kerajaan negeri untuk pelaksanaan program ini di seluruh negara. - Bernama